



**GARIS PANDUAN
AL-QURAN TAJWID BERWARNA
BERSERTA WAQAF DAN IBTIDA'
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PERCETAKAN AL-QURAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

GARIS PANDUAN

AL-QURAN TAJWID BERWARNA BERSERTA WAQAF DAN IBTIDA'

1. Tujuan

Tujuan dokumen ini disediakan adalah sebagai panduan bagi penerbitan al-Quran untuk tujuan penyelarasan pewarnaan mushaf al-Quran dan mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Garis panduan ini merupakan rujukan kepada pihak-pihak seperti berikut:

- a. Penerbit, pencetak dan pengimport serta pihak-pihak yang terlibat dengan penerbitan, pencetakan, penjualan, pengedaran dan pengimportan al-Quran tajwid berwarna; dan
- b. Agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat Persekutuan dan Negeri yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang berdasarkan Akta Pencetakan Teks Al-Quran (APTQ) 1986.

2. Pendahuluan

- a. Penerbitan al-Quran di Malaysia dan seluruh dunia umumnya telah berkembang pesat ekoran permintaan masyarakat Islam untuk mendalami ilmu al-Quran dan memahami hukum-hukumnya.
- b. Bagi memudahkan dan menarik minat masyarakat Islam mempelajari al-Quran, pelbagai kaedah baru pembelajaran al-Quran diperkenalkan oleh penerbit-penerbit di Malaysia termasuk penggunaan warna pada teks al-Quran bagi hukum tajwid, waqaf ibtida', topik tertentu dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga penerbitan al-Quran berwarna untuk tujuan hiasan semata-mata dan bukan membantu dalam proses pembelajaran al-Quran.

- c. Kaedah perwarnaan yang tidak sistematik tanpa panduan yang jelas menyebabkan berlakunya perbezaan ketara dalam kaedah penggunaan pewarnaan dalam al-Quran. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca. Sebagai contoh satu hukum tajwid yang sama diwarnakan dengan warna yang berbeza oleh penerbit yang berbeza.
- d. Oleh yang demikian, Mesyuarat Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ) Bil.85.1/2016 telah memutuskan supaya diwujudkan garis panduan bagi tujuan penyeragaman al-Quran berwarna.

3. Kaedah al-Quran Tajwid Berwarna

Walaupun al-Quran berwarna dibenarkan tetapi hanya sebagai kaedah tambahan dalam pembelajaran al-Quran. Namun demikian, pelajar hendaklah belajar dan memahami hukum tajwid sebenar sebagaimana yang telah ditetapkan dalam kaedah hukum tajwid. Oleh itu, untuk belajar al-Quran dengan lebih jelas dan sempurna, pelajar hendaklah belajar melalui guru secara langsung atau *talaqqi musyafahah* supaya guru dapat membetulkan bacaan.

4. Pengertian Tajwid:

Dari segi bahasa bermaksud melakukan sesuatu dengan elok yang berasal daripada perkataan *Jawwada*. Dari segi istilah syarak, tajwid adalah ilmu yang boleh mengenalkan tempat bagi tiap-tiap huruf dengan memberi apa yang patut baginya dari segi sifat-sifat huruf itu seperti menyatakan dan menyembunyikan atau apa yang dimestikan bagi huruf-huruf itu daripada sifat-sifat luar dari segi panjang, pendek, tebal, tipis dan sebagainya.

5. Takrifan

a. **Al-Quran Tajwid Berwarna**

ialah al-Quran yang mengandungi huruf-huruf dan tanda bacaan pada kalimah ayat al-Quran yang diwarnakan bagi tujuan menjelaskan hukum tajwid.

b. **Ayat al-Quran**

Meliputi mana-mana bahagian ayat al-Quran dalam Bahasa Arab. (akta pencetakan teks Al-Quran 1986)

c. **Teks al-Quran**

Berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 2 Akta Pencetakan Teks al-Quran (APTQ) 1986 ertinya: sesuatu dokumen yang mengandungi teks bahasa Arab yang lengkap bagi al-Quran atau mana-mana bahagiannya yang mengandungi satu juzuk atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

d. **Bahan Al-Quran**

Manakala bahan al-Quran ertinya sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana ayat al-Quran. Ini termasuk juga Teks al-Quran atau dokumen yang kurang daripada satu juzu' seperti Iqra', Muqaddam, Surah Yasin serta surah-surah terkumpul, *frame* dan sebagainya.

e. **Perakuan Betul Prof Akhir Teks Al-Quran**

Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 6 (1) Akta Pencetakan Teks Al-Quran (APTQ) 1986, seseorang yang ingin mencetak atau menerbitkan teks al-Quran hendaklah memohon perakuan betul prof akhir dengan mengemukakan **salinan asal prof akhir atau salinan asal teks Al-Quran** kepada Lembaga Pengawasan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri.

6. Panduan Warna Tajwid Teks Al-Quran

1. Setiap permohonan perakuan betul prof akhir teks al-Quran hendaklah mematuhi garis panduan ini jika permohonan tersebut adalah al-Quran berwarna.
2. Setiap al-Quran berwarna hendaklah mematuhi peraturan berwarna seperti dalam jadual di bawah.
 - a. Bagi setiap hukum mad yang dibaca dengan **dua harakat**, hendaklah diwarnakan dengan warna **hitam**. Antara hukum mad yang termasuk dalam kategori ini adalah Mad Asli, Mad Badal, Mad Syibhilil Badal, Mad Silah Qasirah, Mad Tamkin dan Mad Iwadh.
 - b. Bagi setiap hukum mad yang dibaca dengan **empat atau lima harakat**, hendaklah diwarnakan dengan warna **merah**. Antara hukum mad yang termasuk dalam kategori ini adalah Mad Wajib Muttasil, Mad Jaiz Munfasil dan Mad Silah Towilah.
 - c. Bagi setiap hukum mad yang dibaca dengan **enam harakat**, hendaklah diwarnakan dengan warna **coklat gelap**. Hukum mad yang termasuk dalam kategori ini adalah Mad Lazim dan Mad Faraq.
 - d. Bagi setiap hukum mad yang dibaca dengan **dua, empat atau enam harakat**, hendaklah diwarnakan dengan warna **jingga**. Hukum mad yang termasuk dalam kategori ini adalah Mad 'Arid Lissukun dan Mad Lin.
 - e. Bagi setiap hukum tajwid yang dibaca dengan **dengung**, hendaklah diwarnakan dengan warna **hijau**. Hukum tajwid yang termasuk dalam kategori ini adalah Idgham Ma'al Ghunnah, Idgham Mislain, Wajibul Ghunnah, Ikhfa' Haqiqi, Ikhfa' Syafawi dan Iqlab.
 - f. Bagi setiap hukum Qalqalah hendaklah diwarnakan dengan warna **biru muda**.
 - g. Bagi huruf Ra' yang dibaca dengan **tebal**, hendaklah diwarnakan dengan warna **ungu**.

Jadual di bawah menunjukkan ringkasan bagi kaedah al-Quran tajwid berwarna.

KAEDAH HUKUM TAJWID BERWARNA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

HURUF BERWARNA HITAM : 2 HAKAKAT		
NO	KETERANGAN	CONTOH
1	MAD ASLI	الرَّحْمٰنُ
2	MAD BADAL	لَيْلٍ
3	MAD SYIBH BIL BADAL	وَبَاءُ
4	MAD SILAH QOSIRAH	وَلَهُ ذُرِّيَّةٌ
5	MAD TAMKIN	النَّبِيِّنَ
6	MAD IWADH	رَّحِيمًا

CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK 0 0 0 100

KOD RGB 35 31 32

HURUF BERWARNA COKLAT : DIBACA DENGAN 6 HARAKAT

NO	HUKUM	CONTOH	KETERANGAN
1	MAD LAZIM (KALIMI MUTHAQQAL)	دَابَّةٍ	DIWARNAKAN HURUF ALIF DAN TANDA MAD
2	MAD LAZIM KALIMI MUKHAFFAF	أَلْكَانَ	DIWARNAKAN HURUF ALIF DAN TANDA MAD
3	MAD LAZIM (HARFI MUTHAQQAL)	الْمَ	DIWARNAKAN HURUF LAM, TANDA MAD, HURUF MIM DAN TANDA MAD
4	MAD LAZIM HARFI MUKHAFFAF	حَمَ	DIWARNAKAN HURUF MIM DAN TANDA MAD

CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK 20 90 100 20

KOD RGB 167 53 33

HURUF BERWARNA JINGGA : DIBACA DENGAN 2 / 4 / 6 HARAKAT

NO	HUKUM	CONTOH	KETERANGAN
1	MAD 'ARIDH LIS SUKUN	يَشْعُرُونَ	DIWARNAKAN HURUF WAW MENGAMBILKIRA RA'S AYAH
2	MAD LIN	الْبَيْتِ	DIWARNAKAN HURUF YA DAN TANDA SUKUN MENGAMBILKIRA RA'S AYAH

CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK 0 75 100 0

KOD RGB 242 101 34

HURUF BERWARNA MERAH : DIBACA 4 ATAU 5 HARAkat

NO	HUKUM	CONTOH	KETERANGAN
1	MAD WAJIB MUTTASIL	أَبْنَاءَكُمْ	DIWARNAKAN HURUF ALIF DAN TANDA MAD
2	MAD JAIZ MUNFASIL	فَأَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ	DIWARNAKAN HURUF WAW DAN TANDA MAD
3	MAD SILAH KUBRA / TAWILAH	يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ	DIWARNAKAN WAW KECIL DAN TANDA MAD

CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK 0 100 100 0

KOD RGB 237 28 36

HURUF BERWARNA BIRU

NO	HUKUM	CONTOH	KETERANGAN
1	QALQALAH	عَبْدَنَا	DIWARNAKAN HURUF BA' DAN TANDA SUKUN
2		وَتَبَّ	DIWARNAKAN HURUF BA', SYADDAH DAN FATHAH MENGAMBILKIRA RA'S AYAH
3		يَلِدْ وَلَمْ	DIWARNAKAN HURUF DAL DAN SUKUN

CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK 90 20 20 0

KOD RGB 0 152 188

HURUF BERWARNA HIJAU : DIBACA DENGUNG

NO	HUKUM	CONTOH	KETERANGAN
1	IKHFA'	<p>مِنْ كُلِّ</p> <p>فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ</p> <p>وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ</p>	<p>DIWARNAKAN HURUF NUN, KAF DAN DHOMMAH</p> <p>DIWARNAKAN HURUF QAF, TANWIN, ALIF KAF DAN FATHAH</p> <p>DIWARNAKAN HURUF MIM, BA' DAN KASRAH</p>
2	NUN TASYDID	ءَامِنًا	DIWARNAKAN HURUF NUN, SYADDAH DAN FATHAH
3	MIM TASYDID	وَمِمَّا	DIWARNAKAN HURUF MIM, SYADDAH DAN FATHAH
4	IQLAB	<p>أَلِيمٍ بِمَا</p> <p>مِنْ بَعْدِ</p>	<p>DIWARNAKAN HURUF MIM, DHOMMAH, MIM KECIL, BA' DAN KASRAH</p> <p>DIWARNAKAN HURUF NUN, MIM KECIL, BA' DAN FATHAH</p>
5	IDGHAM BI GHUNNAH	<p>مَنْ يَفْسِدُ</p> <p>مُسْتَقْرًا وَمَتَعٌ</p> <p>لَنْ نُؤْمِنَ</p>	<p>DIWARNAKAN HURUF NUN, YA DAN DHOMMAH</p> <p>DIWARNAKAN SYADDAH, TANWIN, WAW DAN FATHAH</p> <p>DIWARNAKAN NUN, NUN KEDUA, SYADDAH DAN DHOMMAH</p>
6	IDGHAM MUTAMATHILAIN	بِعَشْرِكُمْ مِنْ	DIWARNAKAN MIM, MIM KEDUA, SYADDAH DAN KASRAH

CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK

80

0

100

0

KOD RGB

23

175

75

HURUF BERWARNA UNGU : TEBAL (RA' & LAM)

NO	HUKUM	CONTOH	KETERANGAN
1	RA' TEBAL	ضَرَبَ	DIWARNAKAN HURUF RA' DAN FATHAH
2		خَيْرًا	DIWARNAKAN HURUF RA' DAN TANWIN
3		مُسْتَقْرَمَتَع	DIWARNAKAN HURUF RA' SAHAJA
4		خُسْرٍ	DIWARNAKAN HURUF RA' SAHAJA MENGAMBILKIRA RA'S AYAH
5		بَصِيرًا	DIWARNAKAN HURUF RA' SAHAJA
6		الْمُرْسَلُونَ	DIWARNAKAN HURUF RA' DAN SUKUN

CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK

40

50

0

0

KOD RGB

156

133

190

7. Panduan Al-Quran Waqaf Dan Ibtida' Berwarna

- 7.1. Panduan Waqaf Ibtida' ini hanya digunakan pada tempat-tempat yang tiada tanda waqaf yang sedia ada dalam mushaf.
- 7.2. Penentuan tempat-tempat Waqaf dan Ibtida' hendaklah berpandukan sumber-sumber yang muktabar.
 - a. Warna bagi waqaf (Warna yang menunjukkan pembaca boleh memberhentikan bacaan di akhir perkataan)
 - b. Warna bagi ibtida' (Warna yg menunjukkan pembaca boleh memulakan bacaan di awal perkataan dengan mengulang).
- 7.3. Kaedah pewarnaan hendaklah dengan cara, mewarnakan latar belakang kalimah (*highlight* perkataan)
- 7.4. Bagi al-Quran yang tidak berwarna, penentuan Waqaf dan Ibtida' boleh dibuat dengan cara menggariskan panduan Waqaf dan Ibtida' dengan garisan warna kelabu.

Panduan Warna Bagi Waqaf & Ibtida'

BIL	KATEGORI	TANDA	CONTOH
1	WAQAF	MERAH LEMBUT	يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَادِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ
2	IBTIDA' (MENGULANG)	HIJAU LEMBUT	الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنْ الشَّجَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ

1. CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK 0 30 10 0

KOD RGB 249 192 199

2. CADANGAN KOD WARNA

KOD CMYK 20 0 30 0

KOD RGB 206 230 193

8. Peraturan-Peraturan Lain Berkaitan Al-Quran Tajwid Berwarna.

- i. Ruang halaman teks al-Quran yang bersaiz kurang dari 6cm x 9cm (kecil tanpa terjemahan) tidak dibenarkan menggunakan kaedah perwarna.
- ii. Warna-warna selain daripada yang ditetapkan dalam garis panduan ini adalah tidak dibenarkan kecuali dengan tujuan munasabah dan diluluskan oleh LPPPQ.
- iii. Sebarang penambahan tulisan pada ruangan teks al-Quran adalah tidak dibenarkan.
- iv. Penerangan warna perlu dinyatakan di luar teks bahagian bawah setiap muka surat.
- v. Warna asas bagi teks al-Quran hendaklah berwarna hitam.
- vi. Syarikat boleh menggunakan semua atau sebahagian daripada warna yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

Penutup

Penulisan al-Quran al-Karim pada asalnya adalah tidak diwarnakan seperti mushaf-mushaf yang dikeluarkan oleh Mujamma' Malik Fahd, Madinah Al-Munawwarah. Walau bagaimanapun, bagi meraikan inovasi dan keperluan masyarakat maka kelonggaran diberikan untuk membuat pewarnaan teks al-Quran. Garis panduan ini diharapkan dapat digunakan oleh semua pihak yang terlibat dalam penerbitan dan pengimportan al-Quran di Malaysia bagi memastikan al-Quran yang tersebar di dalam masyarakat adalah seragam dan tidak mengelirukan pembaca.

Rujukan

- i. Akta Pencetakan Teks Al-Quran (APTQ) 1986, Kementerian Dalam Negeri.
- ii. Peraturan Pencetakan Teks Al-Quran, APTQ 1986.
- iii. Garis Panduan Permohonan Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Quran.
- iv. Garis Panduan Permohonan Lesen Mencetak Al-Quran.
- v. Pedoman Tajwid Sistem Berwarna – Kementerian Agama Republik Indonesia
- vi. Mushaf Tajwid Dar Al-Maarifah, Syria Damsyik